

# DYNA AMOXYCILLIN CAPSULE

Amoxicillin Trihydrate (250 mg, 500 mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan DYNA AMOXYCILLIN CAPSULE
2. Bagaimana DYNA AMOXYCILLIN CAPSULE berfungsi
3. Sebelum menggunakan DYNA AMOXYCILLIN CAPSULE
4. Cara menggunakan DYNA AMOXYCILLIN CAPSULE
5. Semasa menggunakan DYNA AMOXYCILLIN CAPSULE
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan DYNA AMOXYCILLIN CAPSULE
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan DYNA AMOXYCILLIN CAPSULE

Amoxicillin digunakan untuk merawat

- Jangkitan yang disebabkan oleh bakteria.
- Jangkitan telinga, hidung dan tekak.
- Jangkitan saluran pernafasan.
- Jangkitan saluran kencing
- Jangkitan kulit dan tisu lembut

## Bagaimana DYNA AMOXYCILLIN CAPSULE berfungsi

Amoxicillin bertindak dengan membunuh bakteria yang menyebabkan jangkitan.

## Sebelum menggunakan DYNA AMOXYCILLIN CAPSULE

### - Bila tidak boleh menggunakan

Tidak boleh digunakan pada individu yang diketahui alah kepada penisillin.

### Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil DYNA AMOXYCILLIN CAPSULE jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil DYNA AMOXYCILLIN CAPSULE jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### Sebelum mula menggunakan DYNA AMOXYCILLIN CAPSULE

Beritahu doktor anda jika:

- Anda hipersensitif kepada penicillins lain dan cephalosporins atau penicillamine.
- Mempunyai masalah buah pinggang.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Probenecid memanjangkan masa tahap Amoxicillin di dalam darah. Antasid dan alkalisng agent lain boleh menjejaskan penyerapan Amoxicillin. Amoxicillin boleh mengurangkan keberkesanan pil perancang. Penggunaan serentak Amoxicillin dan Allopurinol meningkatkan kejadian ruam.

### Cara menggunakan DYNA AMOXYCILLIN CAPSULE

#### - Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

#### - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

#### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

#### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

#### Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan gangguan gastro-usus, kemerosotan fungsi hati yang boleh dipulih dan cirit-birit.

## Semasa menggunakan DYNA AMOXYCILLIN CAPSULE

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan DYNA AMOXYCILLIN CAPSULE.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi DYNA AMOXYCILLIN CAPSULE dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

- Anda perlu terus menggunakan ubat untuk sepanjang tempoh rawatan penuh.
- Ambil ubat ketika perut kosong.
- Dos perlu dikurangkan pada pesakit dengan fungsi buah pinggang terjejas.

### Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, DYNA AMOXYCILLIN CAPSULE boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Kesan-kesan sampingan adalah ringan dan sementara contoh loya, muntah-muntah, cirit-birit, senak. Amoxicillin boleh menimbulkan ruam yang mungkin berasal dari toksik. Ruam hampir setiap kali berlaku apabila Amoxicillin diberikan kepada individu dengan demam glandular (jangkitan virus). Sedikit Amoxicillin yang dirembeskan ke dalam susu boleh mencetuskan reaksi alahan pada bayi.

# DYNA AMOXYCILLIN CAPSULE

Amoxicillin Trihydrate (250 mg, 500 mg)

---

Berhenti mengambil DYNA AMOXYCILLIN CAPSULE dan hubungi doktor anda dengan segera jika anda mengalami mana-mana yang berikut:

- Reaksi alergi serius seperti Reaksi Dadah dengan Eusinophilia dan Gejala Sistemik (DRESS). DRESS muncul pada mulanya sebagai gejala seperti selsema dengan ruam pada muka dan kemudian dengan ruam lanjutan, suhu tinggi dan nodus limfa yang besar.

DYNA AMOXYCILLIN CAPSULE mungkin menyebabkan alergi teruk dan reaksi kulit yang serius.

Berhenti mengambil DYNA AMOXYCILLIN CAPSULE dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera jika anda mengalami salah satu daripada simptom yang berikut:

- Kemerahan kulit, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau kerengsaan mata.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) (*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF)* or *Vaccines (AEFI)*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan DYNA AMOXYCILLIN CAPSULE

- Penyimpanan  
**JAUHI UBAT DARIPADA KANAK-KANAK**  
Jangan simpan melebihi 30°C  
Lindungi daripada cahaya

### Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk  
DYNA AMOXYCILLIN CAPSULE  
250MG  
Kapsul gelatin keras saiz "2" bewarna Oren / merah dengan serbuk putih.

DYNA AMOXYCILLIN CAPSULE  
500MG  
Kapsul gelatin keras saiz "0" bewarna Oren / merah dengan serbuk putih.

### Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif  
Amoxicillin Trihydrate

- Bahan-bahan tidak aktif  
DYNA AMOXYCILLIN CAPSULE  
250MG  
Lactose powder 200 mesh, Magnesium Stearate.

DYNA AMOXYCILLIN CAPSULE  
500MG  
Magnesium Stearate

- Nombor MAL  
DYNA AMOXYCILLIN CAPSULE  
250MG  
MAL19930222AZ

DYNA AMOXYCILLIN CAPSULE  
500MG  
MAL19930221AZ

## **Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk**

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.  
2497, Mk. 1, Lorong Perusahaan Baru 5,  
Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600  
Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**  
08/04/2022

**Nombor siri**  
NPRA(R2/1)201223/587